

## **ISTANA NEGARA**

Muzium Diraja bertempat di Istana Negara Lama, Jalan Istana, Kuala Lumpur merupakan tempat bersemayam Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong I hingga XIII (1957-2011). Bangunan Istana Lama ini telah diubah suai beberapa kali dan mengalami penambahan besar-besaran pada tahun 1980-an dengan pembinaan Balairung Seri untuk upacara rasmi. Kini, istana lama ini dijadikan muzium dan dibuka kepada orang ramai pada 1 Februari 2013.

Muzium Diraja ini mempunyai visi, iaitu untuk menjadi pusat rujukan dan penyelidikan dalam segala aspek berkaitan dengan institusi Raja Berperlembagaan. Misinya kini antara lain untuk menjadi muzium khas menjelaskan secara komprehensif peranan ruang Istana Negara. Kompleks Istana Negara lama ini kini terdiri daripada dua blok bangunan, iaitu Galeri Istana Negara dan Balairung Seri. Galeri Istana Negara merupakan tempat bersemayam Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Setiap ruang mempunyai nama khas, fungsi, rekaan dan protokol yang tersendiri.

Balairung Seri pula digunakan untuk upacara rasmi dan istiadat rasmi seperti Upacara Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Upacara Mengangkat Sumpah dan Upacara Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan serta Majlis Santapan Diraja.